

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 09 Jun 2021 8:00
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kedudukan UUM Meningkatkan Dalam QS World University Rankings 2022



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

9 JUN 2021 / 28 SYAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Bahagian Pemasaran Universiti

KEDUDUKAN UUM MENINGKAT DALAM QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2022

UUM
Universiti Utara Malaysia
The Eminent Management University

KNOWLEDGE . VIRTUE . SERVICE

511-520

531-540

591-600

601-650

2019

2020

2021

2022

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2022

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2022

**Watch out world,
we're catching up!**

UUM is now ranked 511-520 among world universities

we are global

uum_story

uumstory

Universiti Utara Malaysia (Official FB)

www.uum.edu.my

MD MARKETING DIVISION

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia terus menunjukkan peningkatan dalam QS World University Rankings (QSWUR) 2022 apabila disenaraikan di kedudukan 511-520 berbanding tahun sebelumnya di kelompok 531-540, sekali gus menjadi satu-satunya universiti awam di Malaysia yang mencatatkan peningkatan.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, pencapaian yang diperoleh ini membuktikan UUM terus konsisten mempamerkan peningkatan dengan segala usaha selama 3 tahun sejak 2019 yang telah membuahkan hasil melalui langkah-langkah yang diambil seperti meningkat kualiti kerja, agenda korporat, hubungan dengan industri, kempen penjenamaan serta memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan staf dan pelajar.

Menurutnya, peningkatan rankings ini merupakan satu pencapaian yang sangat signifikan dan bermakna bagi semua warga UUM dan negara kerana kejayaan yang dikecapi hari ini adalah hasil kerjasama dan komitmen semua orang di UUM yang mempunyai satu objektif untuk menjadi antara yang terbaik di dunia, selain gah di Asia.


Katanya, ini adalah kejayaan berganda kepada UUM bukan sahaja menunjukkan peningkatan ketara dalam QSWUR, malah UUM juga telah menunjukkan lonjakan besar dalam Times Higher Education (THE) Asia University Rankings 2021 yang diumumkan baru-baru ini.

“Kita akan memastikan dan akan terus berusaha untuk melonjakkan lagi kedudukan UUM dalam QSWUR sehingga ke tahap lebih membanggakan lagi.

“UUM akan terus menggembelng tenaga dan kepakaran untuk meningkatkan lagi kualiti kerja, agenda korporat, hubungan dengan industri, kempen penjenamaan serta memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan staf dan pelajar agar kita terus mendapat perhatian di mata dunia,” katanya.

QSWUR menguna pakai enam indikator dalam memberi penarafan kepada universiti global, iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, sitasi per akademik staf, nisbah staf akademik dengan pelajar, peratus pelajar antarabangsa dan peratus staf akademik antarabangsa.

Pada kali ini, sebanyak 1673 universiti telah melalui proses penilaian dan hanya 1300 universiti daripada 93 negara sahaja yang disenaraikan oleh QS.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.